



# MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

## SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN TRAFIESTA - *TRAFFIC  
MANAGEMENT CONTRIBUTION IN COMMERCIAL*

## TARIKH / MASA / TEMPAT

**18 JUN 2022 (SABTU)  
11.00 PAGI**

**RUANG LEGAR SUMWAY CARNIVAL MALL  
SEBERANG JAYA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Perasmian TRAFIESTA – *Traffic Management Contribution in Commercials* di Ruang Legar Sunway Carnival Mall, Seberang Jaya yang dianjurkan oleh MBSP dengan kerjasama pihak Sunway.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Jeffrey Ng Tiong Lip. Ketua Pegawai Eksekutif Sunway Reit Management Sdn. Bhd. dan pasukan beliau, Ahli-Ahli Majlis MBSP, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan dan warga kerja MBSP, rakan-rakan media, para pengunjung dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini.

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati  
Sekalian,**

TRAFIESTA adalah program yang diinspirasikan oleh Jabatan Kejuruteraan MBSP bagi memberi pendedahan yang lebih mendalam tentang pengurusan suatu pembangunan secara amnya atau pengurusan lalu-lintas secara khususnya. Pembangunan sekitar Sunway Carnival Mall sebagai contoh perlu melalui proses-proses kelulusan pelan sebelum kerja-kerja dapat dilaksanakan di tapak termasuk kajian penilaian impak lalulintas.

Matlamat utama program adalah untuk melihat dengan mendalam kesan penyuraian lalulintas kepada pembangunan bandar dengan keterlibatan semua lapisan masyarakat dari semua peringkat umur (lelaki dan perempuan), termasuk orang kurang upaya yang secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan ekonomi setempat. Program ini juga mengambil kira aspek '*Gender Responsive and Participatory Budgeting*' (GRPB) bagi membantu penyediaan bajet untuk penambahbaikan penyuraian lalulintas seperti penyediaan papan tanda jalan, laluan pejalan kaki, jalan sehala dan sebagainya.

Pengisian Program TRAFIESTA pada hari ini melibatkan:-

- a. **Simulasi pengurusan lalulintas** di mana peserta dibahagikan kepada 10 kumpulan. Setiap kumpulan akan mempunyai seorang fasilitator bagi menerangkan perkara yang boleh menyumbang kepada pengurusan lalulintas seperti lampu isyarat, papan tanda jalan dan bonggol jalan. Peserta akan diberi peluang untuk melihat lebih dekat semua komponen yang terlibat dan secara tidak langsung dapat mempelajari perkara baru di dalam aspek lalulintas dan keselamatan jalan raya.
- b. **Pameran Rapid Penang** yang memberikan pendekatan kepada peserta berkenaan dengan pengangkutan awam di Seberang Perai. Rapid Penang juga akan mempromosi Pas Mutiara iaitu kad bulanan bagi menaiki bas bagi menggalakkan orang awam menggunakan pengangkutan awam. Pas Mutiara adalah perjalanan tanpa had selama 30 hari berturut-turut bagi membolehkan orang awam menikmati perjalanan yang lancar dengan perkhidmatan bas Rapid Penang dan Rapid Ferry
- c. **Pameran Penang Smart Parking** yang memberi pendedahan aplikasi Penang Smart Parking kepada warga Seberang Perai memandangkan tiada lagi kupon dikeluarkan. Peserta akan

diterangkan fungsi aplikasi dan cara menggunakan aplikasi tersebut.

- d. **Pameran Pengeluar Kenderaan dan Aspek Keselamatan Kenderaan** daripada syarikat-syarikat kenderaan yang pernah berkerjasama dengan MBSP seperti Nissan dan Mitsubishi. Oleh itu, semua peserta dapat menimba ilmu mengenai teknologi terbaru berkaitan kenderaan berkaitan aspek keselamatan jalan raya
- e. **Kaji Selidik** di mana Peserta akan diberikan soalan kaji selidik untuk dijawab dan ianya bertujuan untuk mengambil pandangan berkenaan dengan kepuasan penambahbaikan pengurusan lalulintas di Bandar Seberang Jaya. Ini menunjukkan bahawa MBSP mengambilkira pandangan semua pihak dalam aspek GRPB.
- f. **Perkhidmatan MBSP** yang melibatkan perkhidmatan pembayaran dengan kaunter bergerak MBSP, permohonan pengurangan kompaun, khidmat nasihat pelan pindaan bangunan dan lain-lain perkhidmatan berkaitan. MBSP menyeru semua pihak yang hadir supaya dapat meluangkan sedikit masa dan ruang bagi MBSP memberikan perkhidmatan terbaik pada hari ini.

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati  
Sekalian,**

MBSP mengambil pendekatan untuk mendapatkan pandangan masyarakat dalam menyumbang idea dan buah fikiran untuk mendapatkan penyelesaian dalam penyuraiaan lalulintas bagi pembangunan Seberang Perai. Kelulusan proses pembangunan yang komprehensif dengan keterlibatan semua lapisan masyarakat sesuai dengan program GRPB. Masyarakat dapat membantu dalam mengurangkan kesesakan lalulintas di Seberang Perai

MBSP berharap Program TRAFIESTA ini dapat dimanfaatkan oleh orang ramai terutamanya warga Seberang Perai dalam bersama-sama meningkatkan perkhidmatan MBSP kepada warga Seberang Perai.

MBSP akan terus komited untuk membawa perubahan kepada rakyat melalui *institutional reform* supaya semua rakyat Seberang Perai dapat menikmati faedahnya. MBSP juga komited untuk terus mara ke hadapan dalam usaha pembangunan Seberang Perai seiring dengan penglibatan setiap lapisan masyarakat, pihak industry dan swasta selaras dengan

harapan Penang2030 untuk menjadi sebuah Negeri Pintar yang menginspirasi negara.

MBSP akan sentiasa mengetengahkan idea-idea baru dan amat memerlukan sokongan dan kerjasama semua pihak bagi menjayakan hasrat dan matlamat MBSP ke arah *Smart Sustainable City* dan seterusnya menjadikan “*Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow*” atau “Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”.

Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Program TRAFIESTA – *Traffic Management Contribution in Commercials*.

**Sekian, Terima Kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh***